



Ruj. Kami: JPV/BKP/D/100-1/1/2 JLD4 (69)

Tarikh : 12 Januari 2021

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

YBhg. Dato'/ Tuan/Puan,

SURAT SOKONGAN BEROPERASI BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN VETERINAR DAN INDUSTRI TERNAKAN DALAM TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP), PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PEMULIHAN (PKPPB).

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **PERKHIDMATAN VETERINAR** adalah termasuk industri haiwan/ternakan, hasil haiwan/ternakan dan rantaianya di peringkat ladang, kilang pemprosesan, pengumpulan, pengangkutan, pengedaran dan penjualan seperti berikut:

- i) Ternakan (lembu, kerbau, kambing, bebiri, babi, ayam, puyuh dan itik);
- ii) Industri Walet
- iii) Daging dan hasil daging, susu dan hasil susu, ayam dan hasil ayam, puyuh dan hasil puyuh, itik dan hasil itik dan telur dan hasil telur termasuk telur tetasan;
- iv) Makanan haiwan/ternakan (termasuk bahan mentah makanan haiwan/ternakan);
- v) Ubat – ubatan, peralatan dan input sokongan kepada haiwan/ternakan.
- vi) Ujian makmal bagi tujuan pemeriksaan kualiti dan penyakit bagi makanan haiwan, produk berasaskan haiwan/ternakan serta sampel darah dan organ.
- vii) Klinik Veterinar dan Kedai Haiwan Kesayangan

3. Pembawa surat ini perlu mendapatkan pengesahan pejabat **DVS Negeri** atau **Daerah** yang berdekatan.




4. Tuan/puan diingatkan supaya tidak menyalahgunakan surat ini bagi tujuan selain yang ditetapkan dan hendaklah mematuhi langkah – langkah sanitasi dan saringan untuk mencegah wabak penyakit COVID-19 demi keselamatan pihak tuan/puan, pekerja, pelanggan dan seluruh masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. NORLIZAN BIN MOHD NOOR)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

s.k. Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri